PERSATUAN SEJARAH BRUNEI
BRUNEI HISTORICAL SOCIETY

# SURVIVAL
# Negara Bangsa

RB
959.55
SUR

nar Serantau

# SURVIVAL
# Negara Bangsa

## Himpunan Kertas Kerja Seminar Serantau

Penyelenggara
Haji Rosli bin Haji Ampal
Yus Sa'bariah binti Haji Adanan

DITERIMA
19 NOV 2015
PERPUSTAKAAN PUSAT SEJARAH BRUNEI

Ehsan
Pusat Sejarah Brunei
Brunei Darussalam

2013
PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
BANDAR SERI BEGAWAN

14490 H RB
959.55
SUR

Pusat Sejarah Brunei
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Bandar Seri Begawan BS 8610
Negara Brunei Darussalam

© Pusat Sejarah Brunei, 2013

Cetakan Pertama, 2013

Semua hakcipta terpelihara.
Tidak dibenarkan mengeluar ulang
mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi
kandungan buku ini, disimpan dalam sistem pengeluaran
semula (retrieval system), ataupun dipindahkan dalam apa juga
bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik,
rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis
daripada Pengetua Pusat Sejarah Brunei,
Bandar Seri Begawan

Hiasan Kulit
Julaihi bin Haji Yaakub

Fon Teks
Times New Roman, 11/13 poin

Set taip dan reka letak oleh Pusat Sejarah Brunei,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam
Dicetak oleh Akbar Printing & Trading Company
Negara Brunei Darussalam

ISBN 978-99917-63-01-9

## KANDUNGAN

*Kata Alu-Aluan* vii

*Pendahuluan* ix

Kedudukan Agama Islam dalam Perlembagaan 1959 dan Kesan-Kesannya 1
*Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim*

Constitution And Shariah: Implementation and Harmonisation in the Multi-Religious and Multi-Cultural Society of Brunei Darussalam 17
*Dato Prof. Dr Haji Anwarullah bin Haji Shafiullah*

Perlembagaan Malaysia: Asas dan Kerangkanya 35
*Abdul Aziz Bari*

Kedaulatan dan Bidang Kuasa Raja dalam Zaman Tradisional dan Raja Berperlembagaan di Malaysia 55
*Datin Paduka Datuk Prof. Dr Hajah Ramlah binti Adam*

Pembentukan *Perlembagaan Negeri Brunei 1959:* Dasar British dan Respons Brunei 87
*Dr Yusop bin Damit*

Significance of the Hickling Memorandum upon the Brunei Constitutional History and Practice 113
*B.A. Hussainmiya*

Perlembagaan Negeri Brunei: Pencetus ke arah Pembangunan Negara Berintegriti 131
*Haji Ismail bin Duraman*

Laporan Tujuh Serangkai Daerah Belait Hubungannya dengan Pembentukan *Perlembagaan Negeri Brunei 1959* 169

*Haji Awang Asbol bin Haji Mail*

*Perlembagaan Negeri Brunei 1959:* Kuasa Sultan dalam Pemerintahan 195

*Datin Dr Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit*

Pemikiran Muda Omar 'Ali Saifuddien dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei 217

*Prof. Madya Ampuan Dr Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah*

Cabaran Globalisasi Bahasa Melayu, Bahasa Rasmi Negara di Negara Brunei Darussalam 231

*Hajah Aminah binti Haji Momin*

Perjalanan Mencari Kenyataan 259

*Dr Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong*

# KATA PENGANTAR

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala, Pencipta dan Pengatur seluruh alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam serta seluruh kaum kerabat, para sahabat Baginda, dan pengikut Baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, dengan izin dan hidayah-Nya, buku *Survival Negara Bangsa* dapat diungkayahkan penerbitannya. Buku ini merupakan himpunan kertas-kertas kerja 'Seminar Serantau: Sempena Sambutan Jubli Emas *Perlembagaan Negeri Brunei 1959'* dengan tema 'Perkembangan dan Kecemerlangan 50 Tahun Perlembagaan Negara Brunei Darussalam' anjuran Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) pada 17–19 Jun 2011 bersamaan 15–17 Rejab 1432.

*Perlembagaan Negeri Brunei 1959* yang dirancang pada Mei 1953 telah ditandatangani pada 29 September 1959. Dengan termeterainya *Perlembagaan Negeri Brunei 1959,* ia telah mengiktiraf kedudukan bangsa Melayu sebagai pewaris sah bumi Darussalam ini, di samping tiga identiti penting dan utama; majoriti bangsa Melayu diangkat kepada kedudukan yang tinggi dalam sistem politik dan sosial negara ini, iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, Islam sebagai agama rasmi negara, dan Sultan diletakkan sebagai kuasa pemerintah tertinggi negara. Bermula dari saat pengisytiharan dan pemasyhuran perlembagaan itu, pemerintahan Brunei diambil alih sepenuhnya oleh pentadbiran Brunei daripada British, dan menjadi asas kepada kemerdekaan Brunei pada 1984. Pada tahun 2009, *Perlembagaan Negeri Brunei 1959* telah mencapai usia 50 tahun.